

Rasuah sogokan ke syurga

UM 24 JUL 2001

KUALA LUMPUR 23 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata rasuah yang sukar dibendung dan dihapuskan ialah rasuah yang berupa sogokan melalui janji bahawa jika sokongan diberikan kepada pihak-pihak tertentu, mereka akan ditempatkan ke syurga.

“Pihak yang menyogok dengan janji yang tidak dapat ditentukan kebenarannya ini, bukan saja terlibat dengan rasuah tetapi dengan penipuan yang besar,” kata Perdana Menteri pada sesi soalan lisan Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan **Dr. Tan Seng Giaw (DAP-Kepong)** yang meminta dinyatakan setakat mana beliau berjaya membanteras politik wang di negara ini dan langkah-langkah yang paling berkesan untuk menghapuskannya.

Menurut beliau, rasuah yang melibatkan sogokan wang atau barangan dapat dikesan dan dibanteras oleh pihak yang ditugaskan untuk mengawal perbuatan keji ini.

Katanya, usaha untuk mengawal dan mengurang sedikit sebanyak sudah berjaya kerana kerajaan dan parti secara ikhlas ingin melawan amalan keji itu melalui pelbagai

tindakan dan ia telah menakutkan mereka yang terlibat dengan politik sogokan jenis ini.

“Untuk membanteras rasuah sogokan syurga, pihak yang mampu hanyalah individu atau organisasi yang terlibat.

“Jika mereka mempunyai hati kecil yang ikhlas dan takut berbuat dosa, akan berjaya usaha membanteras rasuah jenis ini.

Berkembang

“Setakat ini, tidak ada usaha yang dibuat dan rasuah jenis ini masih berleluasa dan berkembang,” kata Perdana Menteri.

Katanya, untuk sogokan janji palsu, langkah yang boleh diambil oleh kerajaan amat terhad dan sehingga kini, belum menunjukkan kesan kerana selagi ada orang yang tidak takut kepada Tuhan, selama itulah politik syurga akan berterusan.

Kepada soalan tambahan **Raja Datuk Ahmad Zainuddin Raja Ahmad (BN-Larut)**, beliau berkata, hanya cara

sukar dibendung — PM

yang boleh dilakukan oleh kerajaan ialah memberi ajaran agama sebenarnya kepada rakyat.

Malangnya, ujar beliau, bila kerajaan bagi pelajaran agama di sekolah-sekolah, datanglah parti politik yang mempengaruhi guru-guru supaya tidak mengajar agama, sebaliknya mengajar bagaimana melukis bulan dengan latar belakang hijau.

“Ini yang mereka (kanak-kanak) belajar. Ini kita lihat bagaimana mereka dengan mudahnya terpengaruh dengan *Black Metal*, sanggup bunuh, sanggup rogol kerana tidak ada iman yang kuat yang cuma boleh datang daripada orang yang mendapat pelajaran agama,” katanya.

Ketika ini, ucapan Dr. Mahathir diganggu oleh **Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (Pas-Kuala Terengganu)** dengan meneriak ‘UMNO!’ beberapa kali.

“Yalah, kita tahu yang datang itu (ke sekolah agama) dari parti Pas, kita tahu. Sebenarnya, masalah Malaysia ialah penyelewengan Pas yang membawa ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam semata-mata kerana kepentingan parti politik mereka,” katanya.

Pada masa yang sama, Dr. Syed Azman semakin rancak meneriak ‘UMNO Sesat!’ dan Perdana Menteri berkata: “kalau menjerit UMNO seratus kali pun, dunia akan tahu juga ini adalah parti Pas”.

Kepada soalan **Mohd. Apandi Mohamad (Pas-Jeli)** mengapa ketika pemerintahan 20 tahunnya sebagai Perdana Menteri, politik wang berleluasa, Dr. Mahathir berkata, “bila ada benda kotor di keliling ni, kita semua jadi kotor”.

Beliau berkata, sebenarnya, ada pemimpin UMNO yang belajar daripada pemimpin Pas yang menggunakan politik wang sogokan akhirat dan syurga kepada orang yang tidak berpengetahuan agama.

“Orang UMNO ini tidak tergamak menggunakan agama sebagai sogokan jadi mereka guna wang.

“Jadi orang Pas ini guna sogokan syurga kerana tidak siapa yang tahu benar dapat syurga atau tidak. Kerana yang pergi sana tak balik cerita,” ujar beliau.